

Utamakan keselamatan – PM

Um- 7/2/2007

KUALA LUMPUR 6 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa majikan dan pekerja di semua peringkat agar membekalkan keutamaan kepada aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Beliau berkata, mereka harus memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja sentiasa berada di tahap yang tinggi walau dalam apa cara sekalipun.

“Ia patut menjadi keutamaan anda... keselamatan dan kesihatan di tempat kerja kena menjadi keinginan kita semua bukan di negara maju sahaja,” katanya ketika berucap pada majlis penyampaian Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di sini, malam ini.

Abdullah berkata, seseorang pekerja yang mahir dan berkelayakan wujud hasil daripada pelaburan melalui pendidikan dan latihan sama ada oleh ibu bapa ataupun kerajaan dan dengan itu jika seseorang pekerja terjejas kesihatannya atau terlibat dalam kemalangan di tempat kerja maka ia adalah sesuatu yang merugikan.

“Maka dengan itu kita mesti sentiasa sayangi keselamatan dan kesihatan diri sendiri,” kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, ramai yang tidak menyedari pentingnya kesihatan tetapi hanya sedar apabila berlaku sesuatu kemalangan di tempat kerja atau

pun kesihatan terjejas akibat persekitaran tempat kerja yang tidak sihat.

“Apabila kaki dah putus sebab berlaku satu kemalangan baru-lah sedar mengenai nilai kaki itu,” katanya.

Perdana Menteri berkata, selain daripada mengeluarkan pekerja yang mahir dan berkelayakan tinggi, kerajaan mahu agar setiap tempat kerja itu terjamin daripada segi keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Katanya, gejala seperti asap yang banyak yang dikeluarkan oleh kilang di tempat kerja boleh merosakkan kesihatan pekerja.

Katanya, alat-alat penting di tempat kerja seperti alat pemadam api harus sentiasa dipastikan berada dalam keadaan baik agar ia boleh digunakan pada bila-bila masa diperlukan.

“Jadi kalau kita ada peraturan-peraturan keselamatan... alat-alat ini mestilah sentiasa berada dalam tahap yang baik,” katanya.

Abdullah berkata, Malaysia mahu menjadi sebuah negara yang ekonominya berkembang pesat, punyai daya saing yang tinggi serta keupayaan tinggi untuk menghadapi pelbagai cabaran.

“Dan ini hanya boleh dicapai sekiranya semua pekerja benar-benar ada keupayaan untuk membantu industri yang mereka terlibat,” katanya.

— Bernama



ABDULLAH Ahmad Badawi sambil disaksikan oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn (tengah) membantu memasang tangan palsu kepada Jepri Md. Ali pada Majlis Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2006 di Kuala Lumpur, malam tadi.

— Gambar RASHID MAHFUF